The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from amongst themselves who is not an Executive Director or employee of the Company or any related corporation. All members of the Audit Committee, including the Chairman, will hold office only so long as they serve as Director of the Company.

Where the members of the Audit Committee for any reason be reduced to below three (3), the Board of Directors shall within three (3) months of that event, appoint such number of new members as may be required to make up the minimum number of three (3) members.

audit committee

Members of the Audit Committee

The Audit Committee of Pharmaniaga Berhad comprises the following directors:-

Encik Md. Anwar bin Hj. Mamood * - Chairman

Mr. Tan See Yin

Dr. Teoh Kim Loon *

* Independent Non-Executive Director

Secretaries of the Audit Committee

Mr. Lee Wei Yen

Ms. Wong Keo Rou

The quorum for meetings of Audit Committee shall be two (2) members.

Objectives of the Audit Committee

It is the objective of the Audit Committee to assure the Shareholders of the Company that the Directors of the Company have complied with specified financial standards and required disclosure policies developed and administered by the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE). In addition, the Audit Committee is also determined to ensure consistency with the KLSE's commitment to encourage high standards of corporate disclosure. The Audit Committee will endeavour to adopt certain practices aimed at maintaining appropriate standards of corporate responsibility, integrity and accountability to all of the Company's Shareholders.

Duties and Responsibilities of the Audit Committee

The duties and responsibilities of the Audit Committee include:-

- i. Overseeing all matters relating to external audit including the review of the audit plan and audit report;
- ii. Overseeing the internal audit department including the evaluation of the standards of internal control and financial reporting;
- iii. Reviewing of the financial statements;
- iv. Reviewing of the assistance and co-operation given by the Company's officers to the external and internal auditors;
- v. Reviewing any related party transactions that may arise within the Company or the Group; and
- vi. Nominating the external auditors for appointment.

Powers of the Audit Committee

In carrying out their duties and responsibilities, the Audit Committee will in principal have full, free and unrestricted access to all the Company's records, property and personnel.

Meetings

The Audit Committee will meet a least four (4) times a year although such additional meetings may be called at any time at the discretion of the Chairman.

The internal and/or external auditor has the right to appear and be heard at any meeting of the Audit Committee and shall appear before the Committee when required by the Committee. Upon the request of the auditor(s), the Chairman of the Audit Committee shall convene a meeting of the Committee to consider any matters the auditor(s) believes should be brought to the attention of the Board of Directors or the Shareholders.

BIDANG TUGAS

Komposisi Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh para Pengarah daripada kalangan mereka sendiri melalui resolusi para Pengarah dan hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli yang majoritinya tidak boleh merupakan:-

- i) Pengarah Eksekutif Syarikat atau mana-mana perbadanan berkaitan; atau
- ii) Pasangan, ahli keluarga, saudara lelaki, saudara perempuan, anak atau anak angkat lelaki atau perempuan, Pengarah Eksekutif Syarikat atau mana-mana perbadanan berkaitan; atau
- iii) Mana-mana orang yang mempunyai hubungan yang pada pendapat Lembaga Pengarah akan mengganggu penggunaan pemikiran bebas dalam menjalankan fungsi-fungsi jawatankuasa audit.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit akan memilih seorang Pengerusi daripada kalangan mereka yang bukan merupakan Pengarah Eksekutif atau kakitangan Syarikat atau mana-mana perbadanan berkaitan. Kesemua ahli Jawatankuasa Audit, termasuk Pengerusi, akan memegang jawatan hanya sekiranya mereka berkhidmat sebagai Pengarah Syarikat.

Apabila ahli-ahli Jawatankuasa Audit atas apa-apa alasan dikurangkan kepada tiga (3), Lembaga Pengarah boleh dalam masa tiga (3) bulan dari peristiwa tersebut, melantik bilangan tertentu ahli-ahli baru sebagaimana mungkin diperlukan untuk mencukupi sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli.

jawatankuasa audit

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit Pharmaniaga Berhad terdiri daripada para pengarah berikut :-

Encik Md. Anwar bin Hj. Mamood * - Pengerusi
En. Tan See Yin
Dr. Teoh Kim Loon *

* Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Setiausaha Jawatankuasa Audit

En. Lee Wei Yen
Cik Wong Keo Rou

Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa Audit hendaklah dua (2) orang ahli.

Matlamat Jawatankuasa Audit

Matlamat Jawatankuasa Audit adalah untuk memberi jaminan kepada Pemegang-pemegang Saham Syarikat bahawa para Pengarah Syarikat telah mematuhi piawaian-piawaian kewangan yang ditetapkan dan polisi-polisi pendedahan yang diwujudkan dan ditadbir oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Selain daripada itu, Jawatankuasa Audit juga bertekad untuk memastikan keseimbangan dengan komitmen BSKL untuk menggalakkan standard pendedahan korporat yang tinggi. Jawatankuasa Audit akan berusaha untuk menggunakan amalan tertentu yang bertujuan untuk mengekalkan standard tanggungjawab korporat, kejujuran dan sikap bertanggungjawab sewajarnya kepada semua Pemegang Saham.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit

Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Jawatankuasa Audit termasuk:-

- i. Menyelia kesemua perkara berkaitan dengan audit luaran termasuk mengkaji semula rancangan audit dan laporan audit;
- ii. Menyelia jabatan audit dalaman termasuk penilaian piawaian-piawaian kawalan dalaman dan pelaporan kewangan;
- iii. Mengkaji penyata kewangan;
- iv. Mengkaji bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh pegawai Syarikat kepada juruaudit luaran dan dalaman;
- v. Mengkaji mana-mana urusniaga pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan; dan
- vi. Memilih juruaudit luaran bagi pelantikan.

Kuasa-kuasa Jawatankuasa Audit

Dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka, Jawatankuasa Audit pada dasarnya mempunyai hak penuh, bebas dan tidak terbatas kepada kesemua rekod, harta dan kakitangan Syarikat.

Mesyuarat

Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, walaubagaimanapun mesyuarat tambahan boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi.

Juruaudit dalaman dan/atau luaran mempunyai hak untuk hadir dan memberi pendapat pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Audit dan harus hadir di hadapan Jawatankuasa apabila diperlukan. Atas permintaan juruaudit (juruaudit-juruaudit), Pengerusi Jawatankuasa Audit akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa untuk menimbangkan apa-apa perkara yang difikirkan perlu dibawa kepada pengetahuan Lembaga Pengarah atau Pemegang-pemegang Saham oleh juruaudit (juruaudit-juruaudit).

Group 5 Years Summary

Ringkasan 5 Tahun Kumpulan

Consolidated Profit and Loss Accounts for the year ended 31 December

Akaun Untung Rugi Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember

(RM Million) / (RM Juta)	2000	1999	1998	1997	1996
Turnover	427.6	356.4	315.5	271.8	240.3
Jumlah Dagangan					
Profit Before Taxation	38.7	26.5	16.9	12.3	8.6
Keuntungan Sebelum Cukai					
Taxation	(8.9)	(0.2)	(7.6)	(5.3)	(2.4)
Cukai					
Profit After Taxation	29.8	26.3	9.3	7.0	6.2
Keuntungan Selepas Cukai					
Minority Interest	(5.0)	(5.6)	(1.2)	(0.7)	-
Kepentingan Minoriti					
Profit After Taxation and Minority Interests	24.8	20.7	8.1	6.3	6.2
Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti					
Extraordinary Items	-	-	-	-	-
Perkara-perkara Luar Biasa					
Profit Attributable to Shareholders	24.8	20.7	8.1	6.3	6.2
Keuntungan Boleh Diagih kepada Pemegang Saham					
Dividend	-	(2.5)	-	-	-
Dividen					
Retained Profit For The Year	24.8	18.2	8.1	6.3	6.2
Keuntungan Tertahan Bagi Tahun					

For the year ended 31 December

Bagi tahun berakhir 31 Disember

(RM Million) / (RM Juta)	2000	1999	1998	1997	1996
Net Earnings Per Share (sen)	49.6	41.4	16.2	12.6	12.4
Perolehan Bersih Setiap Saham (sen)					
Net Tangible Asset Per Share (sen)	263.0	211.0	147.0	132.0	123.0
Aset Ketara Bersih Setiap Saham (sen)					
Dividend Per Share (sen)	-	5.0	-	-	-
Dividen Setiap Saham (sen)					
Profit Before Tax on Sales	9.0%	7.4%	5.4%	4.5%	3.6%
Keuntungan Sebelum Cukai ke atas Jualan					
Profit After Tax and Minority Interests on Shareholders Funds	17.7%	15.7%	9.9%	8.5%	8.9%
Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti ke atas Dana Pemegang saham					

Note:

- i) The figures for 1996 through to 1998 were prepared for comparative purposes based on the audited accounts of Raza, Remedii and Strand. These figures were prepared on the assumption that the current structure of the Pharmaniaga Group has been in existence since 1996.
- ii) The Directors have recommended to declare a 5% tax exempt dividend for the year ended 31 December 2000 amounting to RM2.5 million, subject to shareholders' approval.
- iii) Net earnings per share and return on shareholders funds for 1999 are calculated based on profit after tax and minority interest before adjustment for pre-acquisition profit of RM20.7 million.

Nota:

- i) Angka-angka bagi 1996 sehingga 1998 telah disediakan untuk tujuan perbandingan berdasarkan akaun-akaun teraudit Raza, Remedii dan Strand. Angka-angka ini telah disediakan atas andaian bahawa struktur semasa Kumpulan Pharmaniaga telah wujud sejak 1996.
- ii) Para Pengarah telah mengesyorkan untuk mengumum 5% dividen dikecuali cukai bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 sebanyak RM2.5 juta, tertakluk kepada kelulusan dari pemegang-pemegang saham.
- iii) Perolehan bersih setiap saham dan pulangan bagi dana pemegang saham untuk 1999 telah dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebelum pelarasan keuntungan pra-pengambilalihan bernilai RM20.7 juta.


Group 5 Years Summary - cont'd

Ringkasan 5 Tahun Kumpulan - samb.

Turnover

Jumlah Dagangan


(Million / RM Juta)



Profit Before Taxation

Keuntungan Sebelum Cukai


(Million / RM Juta)



Net Earnings Per Share

Perolehan Setiap Saham


(sen)



Net Tangible Asset Per Share

Aset Ketara Bersih Setiap Saham

(sen)




2000 group financial highlight for the year ended 31 December
Tahun 2000 sorotan kewangan kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember

(RM Millions) / (RM Juta)	2000	1999	+ / -
Turnover	427.59	356.40	71.19
Jumlah Dagangan			
Profit Before Tax (PBT)	38.70	26.50	12.20
Keuntungan Sebelum Cukai			
Profit After Taxation and Minority Interests	24.81	24.30	0.51
Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti			
Earnings as a Percentage of Shareholders Fund	18%	16%	2%
Perolehan sebagai Peratusan Dana Pemegang Saham			
Net Earnings Per Share (sen)	49.60	41.40	8.20
Perolehan Bersih Setiap Saham (sen)			
Net Tangible Assets Per Share (sen)	263.00	211.00	52.00
Aset Ketara Bersih Setiap Saham (sen)			


2000 group financial highlight

2000 Turnover (By Industry Segment)
Tahun 2000 Jumlah Dagangan (Mengikut Segmen Industri)




Total / Jumlah : RM427.59 million / juta

2000 PBT (By Industry Segment)
Tahun 2000 PBT (Mengikut Segmen Industri)




sorotan kewangan kumpulan 2000

Total Assets (By Industry Segment)
Jumlah Aset (Mengikut Segmen Industri)



No. of Employees (By Industry Segment)
Bil. Kakitangan (Mengikut Segmen Industri)



100%



RAZA

Raza Manufacturing Berhad

100%



STRAND

Strand Pharmaceuticals Sdn. Bhd.



PHARMANIAGA

Pharmaniaga Berhad

70%

REMEDI
PHARMACEUTICALS

Remedi Pharmaceuticals (M) Sdn. Bhd.

100%


Remedi Research
Centre Sdn. Bhd.

100%






ehealth4all.com

ehealth4all.com Sdn. Bhd.



corporate structure

struktur korporat



Chairman's Statement



Tan Sri Zaki bin Tun Azmi
Chairman

" ... the Pharmaniaga Group underwent change of its own design, and emerged stronger from it . "

Dear Shareholders,

In an environment of change and de-stability, it is only a company with the strongest of fundamentals and clear goals that is able to not only survive, but thrive.

As a public-listed company of only a year's standing, we can be proud of our progress and our mastery in turning the winds of change into a positive force in our navigation towards capitalising upon new opportunities.

I am therefore pleased to report to you that the Pharmaniaga Group's performance in the past year, in the Directors' opinion, has been a model of corporate achievement, successfully translated into a healthy bottom line. Our performance in the financial year ended 31 December 2000 is a tribute to the Group's collective will to excel.

Financial Performance

Group turnover rose 20% to RM427.6 million from RM356.4 million. Group profit before tax grew by 46% from RM26.5 million to RM38.7 million. Net earnings per share were also up - from 41.4 sen in 1999 to 49.6 sen in 2000.

The Board of Directors is therefore happy to recommend a First and Final tax exempt dividend of 5 sen per share for the financial year ended 31 December 2000.

Focus: Our Prescription For Growth

During the year under review, the Pharmaniaga Group underwent change of its own design, and emerged stronger from it. We executed a series of management strategies aimed at focusing on the strengths of our major companies that will lead us to our goal of being the leader in the Malaysian and regional healthcare industry, and ultimately become a global market player.

Our manufacturing arm, Raza Manufacturing Berhad (Raza) continues to maintain the trust and confidence of multinational companies who have extended their contract manufacturing arrangements with us. Their confidence is attributed to Raza's stringent quality assurance systems and controls as well as close monitoring of production. As proof of our commitment towards maintaining this strategic partnership with multinational companies, we have invested in an extensive expansion programme at Raza's plant in Bangi. This included a new tablet manufacturing facility, a new energy centre and the new dry powder injectable facility (Cephalosporin plant), all of which were completed by the last quarter of 2000. The new Cephalosporin plant is currently undergoing validation and should start commercial production towards the end of 2001.

As one of the key components in the Pharmaniaga Group's, Remedi performed to its full potential in its role as our logistics and distribution arm. Remedi has leveraged its expertise, experience and facilities to provide warehousing, distribution, marketing, customer service and order management services to both multinational and local companies, as well as fulfilling its important role within the Pharmaniaga Group.

Chairman's Statement - cont'd

Focus: Our Prescription For Growth (cont'd)


Remedi's infrastructure will be greatly enhanced with the construction of a new state-of-the-art warehouse in Bukit Raja that is expected to be completed within the 4th Quarter of 2001. A new warehouse in Kota Kinabalu is expected to commence construction in June 2001, while there are also plans to expand the warehouse in Kuching. These additions will clearly entrench Remedi's stronghold in both East and West Malaysia.

The Pharmaniaga Group is also making its mark as a medical equipment supplier through the Medical Equipment Unit (MEU), a unit within Remedi. MEU is currently outfitting two new 'turnkey' hospitals in Lahad Datu and Keningau, with handover expected by the end of 2001 and early 2002, respectively. MEU is seen as one of the major new contributors to the growth of the Pharmaniaga Group, and is envisioned to become the leading medical equipment supplier in Malaysia within the next five years.

Information Technology has become an intrinsic element of our operations and thus, it is only natural for us to harness the power of the Internet. The Pharmaniaga Group entered the realm of the World Wide Web through our healthcare e-commerce portal, www.ehealth4all.com. The portal is the first of its kind initiated by a homegrown Malaysian company. The portal offers both consumer and trade services with integrated support from the rest of our operations, especially in the area of logistics and distribution.

We are proud to be one of the first local healthcare companies to have established ourselves in the field of healthcare e-commerce. More than just an innovation, it allows us to explore and take advantage of the vast opportunities that Internet technology has to offer.

While some of the changes that have taken place represent a diversification of our operations, they are still very much related to our core business and will add a new and exciting dimension to the Group's growth momentum in the years ahead.



Corporate Milestones

The Pharmaniaga Group remained in control of its destiny and achieved a number of corporate milestones during the year under review.

As one of the leading companies in the Malaysian healthcare industry, we have started to chart our path towards establishing world-class standards in all of our operations. Remedi led the way by achieving the ISO 9002 certification for the procurement, warehousing and distribution of healthcare products in January 2000. Raza followed suit with ISO 9002 accreditation for Quality Assurance in production, installation and servicing. Remedi and Raza are currently working towards achieving double accreditation - the ISO 9001:2000 and OHSAS 18001 for Remedi while Raza is seeking the ISO 14001 and OHSAS 18001 certifications.

With these strategic investments of time and effort in strengthening our mission to excel, the Pharmaniaga Group is laying the groundwork for future growth.

Since the launch of ehealth4all.com in March 2000, the portal has grown and developed into a comprehensive healthcare portal for both B2C and B2B customers. In May 2000, the e-tender service went on-line. The service enables the entire conventional tendering processes to be conducted on line, saving up to 80% of manual man hours. ehealth4all.com's success in converging the values of the traditional 'brick and mortar' business with the reach and efficiency of Information Technology has earned it the prestigious status of an MSC Status Company.

Spearheaded by our newly set up Consumer Healthcare Sales Unit, the Pharmaniaga Group is making inroads into the consumer healthcare market with our own Citrex range of Vitamin C.

Chairman's Statement - cont'd

Corporate Milestones (cont'd)

Confident with our sales and distribution capabilities, several principals comprising of both local and multinational companies have also signed on with us to distribute and market their products.

Each of these milestones has played a vital part in the overall mission of making the Pharmaniaga Group a company in a category of its own; a leader in the healthcare industry that is on the road to establishing itself as a world-class entity.

The Path Ahead

The Pharmaniaga Group has built on the momentum of its gains through the listing on the Kuala Lumpur Stock Exchange in 1999. Through our commendable market capitalisation, the Pharmaniaga Group is now in a stronger position than ever to achieve further growth.

With our current land bank in Bangi fully utilised by our recent expansion, we have acquired 17.5 acres of land in Puchong, earmarked for future growth when we expect to manufacture more new products.

The Pharmaniaga Group is currently studying all aspects of manufacturing products such as inhalers, soft gel capsules, biotech technology products, and herbal and traditional preparations.



*The new Cephalosporin plant in Bangi.
Kilang Cephalosporin yang baru di Bangi.*

Our export markets, which are worth in excess of RM10 million in the year of review, will be further strengthened with the appointment of agents and distributors, and joint ventures with local healthcare companies. We are focusing more attention on becoming a leading player in the ASEAN markets that have a total population of 600 million.

While the Pharmaniaga Group has a 15-year concession to supply pharmaceutical products to government hospitals, we are aggressively working towards extending our private sector markets in order to achieve a healthy mix.

Our focus will still remain on the healthcare industry, but prudent diversification based on our synergistic strengths will allow for new growth as well as create new opportunities. In total, the measures we have taken will ensure that the Pharmaniaga Group will be well on its way to becoming the leading healthcare company in Malaysia by 2005.

Acknowledgements

It is my duty and pleasure to acknowledge the tremendous contributions to our success made by our customers, suppliers and business associates, statutory bodies and government agencies. Their support, guidance and assistance have been invaluable.

The best laid plans and strategies come to nothing if not for the teamwork of a trained and committed workforce. In this respect, the Pharmaniaga Group has been most fortunate. The Management and Staff have turned in yet another sterling performance. Their professional contributions and enthusiasm are the foundation for the further success of the Pharmaniaga Group. To all of them, thank you and 'Syabas!'

**Tan Sri Zaki bin Tun Azmi
Chairman**

Penyata Pengerusi

Para Pemegang Saham Yang Dihargai,

Dalam menghadapi iklim perubahan dan suasana tidak menentu, hanya syarikat yang memiliki asas yang kukuh serta matlamat yang nyata akan dapat bertahan dan terus berkembang.

Memandangkan syarikat kita baru setahun sahaja disenaraaiawamkan, kita sewajarnya berasa bangga dengan pencapaian dan kebijaksanaan kita menjadikan angin perubahan sebagai daya positif yang menggerakkan hala tuju kita ke arah memanfaatkan pelbagai peluang baru.

Saya dengan bangganya melaporkan bahawa prestasi Kumpulan Pharmaniaga sepanjang tahun lepas merupakan contoh pencapaian cemerlang sesebuah syarikat korporat, dengan mencatatkan perolehan yang sihat. Prestasi kita dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2000 adalah satu pengiktirafan terhadap penggembengan iltizam Kumpulan untuk mencapai kecemerlangan.

Prestasi Kewangan

Perolehan Kumpulan meningkat sebanyak 20% kepada RM427.6 juta dari RM356.4 juta. Keuntungan Kumpulan sebelum cukai meningkat sebanyak 46% dari RM26.5 juta kepada RM38.7 juta. Pendapatan bersih sesaham juga meningkat dari 41.4 sen pada tahun 1999 kepada 49.6 sen pada tahun 2000.

“ ... Kumpulan Pharmaniaga telah mengalami perubahan yang terancang, dan hasilnya, ia kini menjadi lebih teguh. ”

Tan Sri Zaki bin Tun Azmi
Pengerusi



Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mencadangkan dividen pertama dan terakhir yang dikecualikan cukai sebanyak 5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000.

Fokus: Preskripsi Kami Untuk Pertumbuhan

Sepanjang tahun yang lepas, Kumpulan Pharmaniaga telah mengalami perubahan yang terancang, dan hasilnya, ia kini menjadi lebih teguh. Kita telah melaksanakan pelbagai strategi pengurusan yang telah disasarkan kepada kekuatan serta kelebihan syarikat-syarikat utama kita yang akan membolehkan kita mencapai matlamat untuk menjadi peneraju industri penjagaan kesihatan di Malaysia dan di rantau ini dan seterusnya menjadi syarikat yang disegani di pasaran global.

Raza Manufacturing Berhad (Raza), yang merupakan bahagian pengeluaran Kumpulan telah berjaya mengekalkan kepercayaan dan keyakinan syarikat-syarikat multinasional untuk terus melanjutkan kontrak pengeluaran mereka.

Keyakinan mereka adalah berdasarkan sistem dan kawalan jaminan kualiti Raza yang ketat di samping kawal selia yang jitu terhadap aspek-aspek pengeluaran. Bagi memperlihatkan komitmen kita dalam mengekalkan perkongsian strategik dengan syarikat-syarikat multinasional ini, kita telah melabur secara meluas dalam program perkembangan kilang Raza di Bangi. Ini meliputi kemudahan pembuatan tablet yang baru, sebuah pusat tenaga baru serta kemudahan pengeluaran suntikan serbuk kering (kilang Cephalosporin), yang kesemuanya telah disiapkan dalam suku terakhir 2000. Kilang Cephalosporin tersebut sedang dalam proses pengesahan dan ia dijangka akan memulakan pengeluaran secara komersil menjelang akhir 2001.

Penyata Pengerusi - samb.

Fokus: Preskripsi Kami Untuk Pertumbuhan (samb.)

Remedi, yang merupakan salah sebuah syarikat utama Kumpulan Pharmaniaga telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam melaksanakan peranannya sebagai bahagian logistik dan pengedaran. Remedi telah menggunakan kepakaran, pengalaman dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada bagi menyediakan perkhidmatan pergudangan, pengedaran, pemasaran, perkhidmatan pelanggan dan perkhidmatan pengurusan tempahan kepada syarikat-syarikat multinasional dan tempatan, di samping memenuhi peranannya yang penting di dalam Kumpulan Pharmaniaga.

Kemudahan infrastuktur Remedi akan dipertingkatkan dengan pembinaan sebuah gudang serba canggih di Bukit Raja yang dijangka siap pada Suku Keempat 2001. Kerja-kerja pembinaan bagi sebuah gudang baru di Kota Kinabalu dijangka bermula pada bulan Jun 2001, diikuti dengan rancangan pembesaran gudang di Kuching. Kesemua usaha ini akan memastikan pengukuhan pegangan pasaran Remedi di Malaysia Barat dan Timur.

Kumpulan Pharmaniaga kini juga dikenali sebagai pembekal peralatan perubatan menerusi Medical Equipment Unit (MEU), sebuah unit dalam syarikat Remedi. MEU kini sedang dalam proses melengkapkan dua buah hospital baru secara 'turnkey' di Lahad Datu dan Keningau, yang dijangka akan diserahkan pada penghujung 2001 dan awal 2002. MEU kini menjadi salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan Kumpulan Pharmaniaga, dan dijangka akan menjadi peneraju pembekal peralatan perubatan di Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang.

Teknologi Maklumat telah menjadi sebuah element yang telah sebat dengan operasi kita dan sudah sewajarnyalah kita memanfaatkan kelebihan dunia Internet. Kumpulan Pharmaniaga melibatkan diri dalam rangkaian jaringan sedunia (World Wide Web) menerusi gerbang e-dagang penjagaan kesihatan kita, iaitu www.ehealth4all.com. Gerbang ini merupakan yang pertama seumpamanya yang dihasilkan oleh sesebuah syarikat tempatan di Malaysia. Ia menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan untuk pengguna dan perniagaan dengan sokongan secara bersepada daripada kesemua bahagian dalam operasi kita, terutamanya dalam bidang logistik dan pengedaran.

Kita berbangga kerana telah menjadi salah sebuah syarikat penjagaan kesihatan tempatan perintis yang telah berjaya bertapak dengan kukuh dalam bidang e-dagang penjagaan kesihatan. Penglibatan kita bukannya setakat satu inovasi, malahan ia sebenarnya membolehkan kita meneroka dan memanfaatkan peluang luas yang disediakan oleh teknologi Internet.



Construction progress of the new warehouse in Bukit Raja, as of April 2001.

Kemajuan pembinaan gudang baru di Bukit Raja pada April 2001.

pada bulan Januari 2000. Kejayaan ini disahut pula oleh Raza dengan pengiktirafan ISO 9002 bagi aspek Jaminan Kualiti dalam pengeluaran, pemasangan dan servis di dalam skop pendaftaran, Pengeluaran Barang Farmaseutikal. Remedi dan Raza kini sedang berusaha untuk mencapai status pengiktirafan berkembar - ISO 9001:2000 dan OHSAS 18001 untuk Remedi, manakala Raza pula berusaha mendapatkan pengiktirafan ISO 14001 dan OHSAS 18001.

Kumpulan Pharmaniaga sedang membina asas untuk pertumbuhan masa depan dengan terlaksananya pelaburan masa dan usaha yang strategik dalam memperkuuhkan misi kita ke arah kecemerlangan.

Sungguhpun beberapa perubahan yang telah dilaksanakan memperlihatkan kepelbagaiannya operasi kita, ia sebenarnya berkait rapat dengan perniagaan teras kita dan akan memberikan dimensi baru serta menarik kepada momentum pertumbuhan Kumpulan di masa hadapan.

Peristiwa Penting Korporat

Kumpulan Pharmaniaga terus berjaya menetapkan masa depannya dan mencatatkan beberapa peristiwa penting korporat sepanjang tahun 2000.

Sebagai salah sebuah syarikat yang menerajui industri penjagaan kesihatan di Malaysia, kita telahpun mula menetapkan hala tuju ke arah matlamat mewujudkan standard bertaraf dunia dalam semua operasi kita. Pencapaian ini dipelopori oleh Remedi yang telah mencapai piawaian ISO 9002 bagi aspek perolehan, pergudangan dan pengedaran produk penjagaan kesihatan pula oleh Raza dengan pengiktirafan ISO 9002 bagi aspek

Penyata Pengerusi - samb.

Peristiwa Penting Korporat (samb.)

Sejak pelancaran ehealth4all.com pada bulan Mac 2000, gerbang ini terus mencatatkan pertumbuhan dan berkembang menjadi sebuah gerbang penjagaan kesihatan yang menyeluruh bagi pelanggan B2C dan B2B. Pada bulan Mei 2000, perkhidmatan e-tender telah dilancarkan. Perkhidmatan ini membolehkan keseluruhan proses tender secara konvensional dilaksanakan secara dalam talian (online). Ini dapat menjimatkan sehingga 80% masa tenaga kerja. Kejayaan ehealth4all.com dalam menggabungkan nilai-nilai perniagaan secara tradisional dengan jangkauan dan kecekapan Teknologi Maklumat telah membolehkannya mencapai pengiktirafan berprestij sebagai sebuah Syarikat Berstatus MSC.

Dipelopori oleh Unit Penjualan Penjagaan Kesihatan Pengguna, Kumpulan Pharmaniaga kini berupaya menembusi pasaran penjagaan kesihatan pengguna dengan Vitamin C rangkaian Citrex keluaran sendiri.

Berbekalkan keyakinan terhadap keupayaan penjualan dan pengedaran kita, beberapa prinsipal yang terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan dan multinasional telah melantik kita untuk mengedar dan memasarkan produk mereka.

Kesemua peristiwa penting ini memainkan peranan penting dalam misi keseluruhan kita untuk menjadikan Kumpulan Pharmaniaga sebuah syarikat yang terunggul; sebagai peneraju industri penjagaan kesihatan yang sedang berusaha gigih untuk menempah nama sebagai sebuah syarikat bertaraf dunia.



Haluan Di Hadapan

Berasaskan momentum kejayaan penenaraiannya di Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1999, Kumpulan Pharmaniaga semakin meningkat maju. Kumpulan Pharmaniaga kini berada dalam kedudukan yang lebih kukuh melalui permodalan pasaran yang memberangsangkan.

Oleh kerana simpanan tanah Kumpulan di Bangi telah digunakan sepenuhnya disebabkan program perluasan tapak kilang baru-baru ini, kita telah membeli sebidang tanah seluas 17.5 ekar di Puchong, Selangor. Tanah tersebut dicadangkan untuk pertumbuhan masa hadapan apabila kita mengeluarkan lebih banyak keluaran baru.

Kumpulan Pharmaniaga kini sedang mengkaji segala aspek-aspek pengeluaran produk seperti alat sedut, kapsul gel lembut, produk teknologi biotek, serta produk sediaan herba dan tradisional.

Pasaran eksport kita, yang bernilai lebih RM10 juta pada tahun 2000, akan terus diperkuuhkan dengan pelantikan ejen dan pengedar, serta usaha sama dengan syarikat-syarikat penjagaan kesihatan tempatan. Kita juga sedang giat menumpukan perhatian terhadap matlamat menjadi peneraju utama dalam pasaran ASEAN yang memiliki jumlah penduduk seramai 600 juta orang.

Sungguhpun Kumpulan Pharmaniaga mempunyai perjanjian konsesi selama 15 tahun bagi membekalkan produk farmaseutikal kepada hospital-hospital kerajaan, kita tetap berusaha secara agresif bagi memperluaskan pasaran sektor swasta dengan tujuan mendapatkan gabungan pasaran yang lebih sihat.

Industri penjagaan kesihatan akan tetap menjadi tumpuan utama Kumpulan Pharmaniaga, namun aktiviti kepelbagaiannya yang terancang berdasarkan kekuatan sinergi kita akan merangsang pertumbuhan baru serta mewujudkan pelbagai peluang baru. Secara keseluruhan, langkah-langkah yang diambil akan memastikan Kumpulan Pharmaniaga berada di landasan yang tepat ke arah menjadi sebuah syarikat peneraju penjagaan kesihatan di Malaysia menjelang tahun 2005.

Penghargaan

Dengan rasa penuh tanggungjawab dan sukacitanya, bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin menghulurkan rasa terhutang budi kami kepada para pelanggan, pembekal dan rakan perniagaan, badan berkanun dan agensi kerajaan atas kerjasama serta sumbangan mereka ke arah kejayaan kita. Sokongan, tunjuk ajar dan bantuan mereka sungguh tidak ternilai.

Perancangan dan strategi yang terbaik sahaja tidak akan mendatangkan hasil tanpa semangat berpasukan tenaga kerja yang terlatih dan komited. Di sinilah terletaknya kelebihan Kumpulan Pharmaniaga. Pihak pengurusan dan kakitangan sekali lagi telah mencatatkan prestasi yang cemerlang. Sumbangan profesional dan iltizam mereka membentuk asas untuk kejayaan Kumpulan Pharmaniaga seterusnya. Sekalung terima kasih dan Syabas untuk mereka.

Tan Sri Zaki bin Tun Azmi
Pengerusi